



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	JADUAL GAJI	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	BIL KEKOSONGAN
1.	PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA5	RM1,650.00 – RM6,620.00 ITKA - RM160.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM145.00	1 (KONTRAK)
2.	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U5	RM1,650.00 – RM6,620.00 ITKA - RM160.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM145.00	3 (KONTRAK)
3.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N5	RM1,650.00 – RM6,620.00 ITKA - RM160.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM145.00	1 (KONTRAK)
4.	PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP1	RM1,500.00 – RM4,680.00 ITKA - RM115.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM100.00	2 (KONTRAK)
5.	PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP1	RM1,500.00 – RM4,680.00 ITKA - RM115.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM100.00	1 (KONTRAK)
6.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N1	RM1,500.00 – RM4,680.00 ITKA - RM115.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM100.00	3 (KONTRAK)

B. SYARAT LANTIKAN JAWATAN

JAWATAN 1 – PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA5

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
(ii) Diploma Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. **Taraf Jawatan** : Kontrak (1 kekosongan)
- 4. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- 5. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Kejuruteraan
- 6. **Deskripsi Tugas** : Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak termasuk menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (*taking off*), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyediakan perakuan bayaran interim, menyediakan arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 2 – PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U5

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **Taraf Jawatan** : Kontrak (3 kekosongan)
4. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana / Pengurusan Dan Profesional (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
5. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perubatan Dan Kesihatan

JAWATAN 3 - PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N5

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
 - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); dan
 - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **Taraf Jawatan** : Kontrak (1 kekosongan)
4. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
5. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran dan Sokongan
6. **Deskripsi Tugas** : Bertanggungjawab menguruskan kerja - kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang- undang.

JAWATAN 4 - PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP1

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).
- dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. **Taraf Jawatan** : Kontrak (2 kekosongan)
- 4. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- 5. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Keselamatan Dan Pertahanan Awam
- 6. **Deskripsi Tugas** :
 - i. Menguatkuasakan undang - undang yang diguna pakai oleh Pihak berkuasa Tempatan;
 - ii. Melaksanakan tugas mengikut jadual tugas yang telah ditetapkan; dan
 - iii. Melaksanakan apa - apa arahan yang diberi dari semasa ke semasa.

JAWATAN 5 - PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP1

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bag lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang- kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau
 - (v) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).

dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak (1 kekosongan)

4. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
5. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Keselamatan Dan Pertahanan Awam
6. **Deskripsi Tugas** :
 - i. Menguatkuasakan undang - undang yang diguna pakai oleh Pihak berkuasa Tempatan;
 - ii. Melaksanakan tugas mengikut jadual tugas yang telah ditetapkan; dan
 - iii. Melaksanakan apa - apa arahan yang diberi dari semasa ke semasa.

JAWATAN 6 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N1

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau
 - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **Taraf Jawatan** : Kontrak (3 kekosongan)
4. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
5. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran dan Sokongan
6. **Deskripsi Tugas** : Melaksanakan urusan pentadbiran pejabat, pengurusan personel, menaip dan menyediakan dokumen rasmi jabatan, pengurusan rekod kewangan dan fail-fail jabatan.

C. CARA - CARA MEMOHON :

1. Semua permohonan jawatan **DIMESTIKAN** menggunakan Sistem Permohonan Perjawatan secara atas talian bagi mengisi Borang Permohonan Perjawatan dengan melayari portal.mpag.gov.my/emohon/ dan klik di pautan yang disediakan dengan mendaftar masuk sebagai pengguna dan terus *login* ke borang permohonan.
2. Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada pautan iklan jawatan kosong di laman web MPAG.
3. Pemohon dari kalangan **pegawai sedang berkhidmat** dalam perkhidmatan Kerajaan/ Badan - Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki mengemukakan **permohonan melalui Ketua Jabatan** dan mengisi borang **Pengesahan Ketua Jabatan di LAMPIRAN A.**
4. Pemohon dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Arahan Pengisian** sebelum memohon jawatan. Pemohon **DIWAJIBKAN** memuat naik **gambar terkini berukuran pasport, kad pengenalan dan dokumen sokongan akademik yang berkaitan dengan kelayakan jawatan dipohon yang perlu disahkan** dengan ukuran tidak melebihi 2MB. Kegagalan mengisi maklumat dengan lengkap serta tidak memuat naik gambar dan dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan calon **DITOLAK.**
5. Ijazah/ Diploma/ Sijil yang diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>, manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, boleh disemak pada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.

D. **TARIKH IKLAN DIBUKA : 14 JANUARI 2026**

TARIKH IKLAN DITUTUP : 23 JANUARI 2026

E. CATATAN AM :

1. Permohonan hendaklah dihantar sebelum / pada tarikh tutup. Selepas dari tarikh tersebut permohonan anda tidak akan diterima.
2. Hanya calon-calon yang memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk tapisan dan temuduga.
3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
4. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
5. Keutamaan akan diberikan kepada **calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon.**
6. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

Pengesahan Iklan:


DATUK TPr SAIFUDDIN BIN ABDUL KARIM
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah